

MENJELANG RAMADAN

Hadiah Raya bagi ibu skim keluarga AMP



TERIMA PAKAIAN RAYA: Klien Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS) AMP, Cik Zuraini Abdul Rahman (dua dari kanan), bersama tiga anak perempuannya (dari kiri) Zuraihana Johari, Zur Alisha dan Zur Ain, setiap seorang menerima pakaian raya percuma daripada butik Sufyaa semalam. - Foto-foto TAUFIK A. KADER

13 Jun 2015

NUR DHUHA ESOOF

HIDUP Cik Zuraini Abdul Rahman sekeluarga berubah mendadak apabila suaminya meninggal dunia akibat barah hampir dua tahun lalu.

Ketiadaan arwah suaminya, satu satu pencari nafkah dalam keluarga tujuh beranak itu, menyebabkan Cik Zuraini benar-benar berasa kehilangan.

"Masa arwahnya ada, hidup kami sekeluarga okay lah. Setiap tahun kami dapat beli baju Raya baru. Tapi sejak suami saya meninggal dunia, kehidupan kami berubah," kata ibu lima anak berusia antara 18 dengan dua tahun itu.

Sejak pemergian suaminya, Cik Zuraini, 46 tahun, menerima bantuan kewangan \$700 sebulan daripada majlis pembangunan masyarakat (CDC).

Beliau tidak dapat bekerja kerana perlu menjaga anak bongsunya yang tidak dapat dimasukkan ke tajaka tahun ini kerana kekurangan tempat.

Cik Zuraini, seorang Penduduk Tetap (PR), juga tidak banyak pengalaman bekerja dan tidak dapat bertutur bahasa Inggeris dengan baik.

Tiga anaknya terpaksa bekerja sambilan bagi membantu menyara keluarga mereka.

Hari Raya tahun ini kali kedua Cik Zuraini sambut tanpa suaminya dan anak-anak beliau sambut tanpa bapa mereka.

Namun sekurang-kurangnya beliau dan tiga anak perempuannya sudah pun mempunyai baju Raya tergantung dalam almari.

Semalam, empat beranak itu telah ke butik pakaian Sufyaa Studio di Tanjong Katong Complex untuk mengambil empat set baju panjang berwarna kuning gelap bagi Hari Raya nanti.

Bukan itus aja, Cik Zuraini dan anak-anaknya turut disolek dan menggayakan baju baru mereka itu bagi satu sesi gambar.

Keluarganya antara 14 keluarga kurang bernasib baik yang diberipakaian Raya dan sesi ubah rupa serta gambar percuma kelmarin dan semalam.

Inisiatif itu kerjasama antara Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan Sufyaa bagi menyampaikan penghargaan kepada ibu-ibu Skim Keluarga dan Belia Angkat (AFYS) AMP di atas komitmen dan dedikasi mereka membesarkan anak mereka dan menjaga keluarga mereka meskipun menghadapi masalah kewangan.

Pengarah Pengurusan Sufyaa, Cik Rina Tahar, berkata inisiatif tersebut diperkenal bagi memberi peluang sama kepada golongan kurang bernasib baik.

"Selama ini, kami menyertakan sesi ubah rupa atau pengayaan bagi pelanggan kami. Bagi melengkapkan keseluruhan proses, kami mengabadikan detik-detik itu dalam gambar.

"Kami berharap dapat memberi peluang sama kepada mereka yang kurang bernasib baik dan membawa keceriaan sama kepada mereka," kata Cik Rina.